

## **“Kita” Mengukuhkan Kuasa dan Ideologi Hadi Awang**

**Mohamad Zaki Abdul Halim**

Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, UniMAP  
zakihalim@unimap.edu.my

### **ABSTRAK**

Kuasa penting bagi mengukuhkan ideologi kerana tanpanya ideologi sukar hidup dalam jangka masa yang panjang bagi mempengaruhi nilai dan kepercayaan seseorang terhadap isu-isu tertentu apatah lagi pegangan politik. Kuasa dan ideologi berkait rapat dengan hayat politikus justeru cara mengukuhkannya memerlukan pendekatan yang disenangi. Dalam memperteguh sikap dan keyakinan terhadap sesebuah kepemimpinan, kuasa dan ideologi pemimpin itu mestilah disepakukan secara berkesan melalui pengaruh bahasa yang digunakan oleh seseorang individu berdasarkan konteks komunikasinya. Dalam makalah ini, Kata Ganti Nama Diri (KGND) dianalisis bagi menunjukkan pengaruhnya dalam pengukuhan kuasa dan ideologi. KGND orang pertama jenis jamak iaitu “kita” diteliti berdasarkan analisis kandungan terhadap teks yang dipilih menggunakan kaedah deskriptif kualitatif bagi memperlihatkan penggunaannya oleh Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Hadi Awang adalah amat signifikan dalam mengukuhkan kuasa dan ideologi beliau untuk tempoh lima tahun sejak 2017 hingga 2022 pascakrisis dalam PAS yang memuncak sekitar tahun 2015 dan 2016. Teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-63 (2017) dijadikan korpus kajian kerana pada muktamar tersebut Hadi Awang dilihat bakal diduga kredibilitinya dengan cabaran Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 (2018) setelah PAS tidak lagi bersama-sama Pakatan Rakyat (PR) sebagai sebuah gabungan kerjasama politik dalam kalangan parti pembangkang di Malaysia ketika itu. Hadi Awang melalui ucapannya menggunakan “kita” sebagai ganti nama diri dalam tiga konteks makna pengucapannya, iaitu (1) sebagai rakyat Malaysia, (2) sebagai umat Islam dan (3) sebagai ahli PAS. Pengaruh penggunaan KGND “kita” telah memperteguh sikap dan keyakinan ahli PAS yang terus mengakar umbi sehingga beliau kekal mengepalai PAS dalam tempoh tersebut justeru selama 20 tahun sejak 2002. Kajian yang dijalankan hanya menganalisis satu teks ucapan sahaja bagi melihat pengaruh “kita” sebagai model pengukuhan kuasa dan ideologi Hadi Awang bagi tempoh lima tahun mutakhir. Terdapat ruang untuk kajian ini dipanjangkan dengan menganalisis kandungan teks ucapan Hadi Awang secara tematik selepas tahun 2017.

**Kata kunci:** Hadi Awang, kita, kuasa, ideologi, ucapan dasar Presiden PAS

### **PENDAHULUAN**

Bahasa ialah satu alat yang digunakan untuk berkomunikasi lantas berfungsi sebagai satu proses sosial yang menggunakan simbol-simbol tertentu, melibatkan konteks tertentu, serta peserta atau lingkungan persekitaran tertentu. Komunikasi akan tercapai objektifnya apabila kedua-dua pihak yang terlibat dalam peristiwa tutur, saling mencapai kesepakatan yang memperlihatkan suatu pemahaman yang sama. Dalam mencapai kesatuan ini, komunikasi bertindak sebagai satu proses praktis sosial yang membentuk sebuah wacana sama ada secara lisan mahupun bukan lisan.

Wacana dilihat sebagai sesuatu yang melangkaui batas ayat. Dalam disiplin tatabahasa, dapat dilihat apabila wacana berada pada hierarki teratas yang bermula daripada morfem, kata, frasa, klausa dan ayat. Penggunaan wacana dalam perhubungan akan menampakkan peristiwa bahasa itu berlangsung dalam percakapan atau penulisan yang menyatakan sesuatu secara agak panjang

lantas menghasilkan teks. Tarigan (1987) telah menyimpulkan wacana sebagai "Satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koherensi dan kohesi tinggi yang berkesinambungan yang mempunyai awal dan akhir yang nyata disampaikan secara lisan atau tertulis."

Dari segi bidang kajiannya, wacana sering dikaitkan dengan analisis wacana. Disiplin ini menganggap wacana sebagai unit linguistik yang tertinggi dan lengkap dalam sesebuah korpus bahasa. Dijk (1985), menyenaraikan cakupan kajian wacana meliputi bidang etnografi, semiotik, sosiolinguistik, pragmatik, etnometodologi, psikologi kognitif, psikologi sosial, kajian komunikasi, perundangan, teologi, sains politik dan historiografi lantas menyimpulkan bahawa wacana berhubungan kognisi dengan masyarakat.

Analisis wacana ialah analisis tentang bahasa yang digunakan. Data yang menjadi objek analisis wacana ialah teks berserta konteksnya. Konteks dan teks bersifat saling melengkapi kerana teks ialah bahasa yang hidup dalam suatu konteks. Teks lisan berupa ujaran, sedangkan teks bertulis berupa rangkaian ayat. Manakala, konteks wacana terdiri daripada konteks linguistik dan konteks situasi. Menurut Brown & Yule (1996), analisis wacana ialah analisis bahasa dalam konteks sosial dan kognitifnya. Bagi Fairclough (2003) pula, analisis wacana bukanlah sekadar analisis teks, malah sebagai "ayunan" yang memperlihatkan fokus terhadap teks khusus dengan fokus terhadap "susunan wacana" yang dibentuk dan membentuk praktis sosial. Tarigan (1987) berpendapat bahawa, wacana lisan atau *spoken discourse* ialah wacana yang disampaikan secara lisan, melalui media lisan.

Wacana lisan sering pula dikaitkan dengan *interactive discourse* atau wacana interaktif. Oleh sebab itu, setiap wacana yang dihasilkan mempunyai tujuan tertentu. Dalam pada itu, analisis wacana kritis merujuk semua amalan sosial yang terikat pada sejarah konteks dan cara hubungan sosial dihasilkan lantas bermatlamat untuk menganalisis hubungan struktural secara telus berkaitan kekuasaan seperti yang disampaikan oleh bahasa. Lalu makalah ini tersedia bagi menganalisis teks ucapan yang melihat unsur linguistiknya dengan praktis sosial yang wujud di dalamnya dengan menggunakan amalan Analisis Wacana Kritis (AWK).

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) adalah antara parti politik yang besar pengaruhnya dalam arena siasah di Malaysia. PAS pada awalnya dikenali sebagai Persatuan Ulama Se-Malaya pada 23 Ogos 1951 dan kemudiannya dijenamakan sebagai Persatuan Islam Se-Malaya pada 24 November 1951 melalui persidangan para ulama Malaya yang berlangsung di Bagan Tuan Kecil atau kini dikenali dengan nama Butterworth, Seberang Perai, Pulau Pinang. Satu kesepakatan telah dicapai dalam kalangan ulama melalui persidangan tersebut iaitu resolusi untuk menjadikan PAS sebagai sebuah pertubuhan politik Islam yang memperjuangkan kemerdekaan Malaya mengikut lunas demokrasi yang direndai Allah SWT dengan menolak perjuangan pembentukan negara yang merdeka berdasarkan ideologi ciptaan manusia. Seperti yang termaktub dalam perlumbagaan PAS, ideologi parti ini adalah berteraskan Fasal 3: Dasar PAS ialah Islam dengan tujuannya (Fasal 5) adalah bagi "memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukumhukumnya menuju keredhaan Allah" dan "mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara". Sejak penubuhannya, PAS telah dipimpin oleh beberapa orang Yang Dipertua Agung (kini disebut sebagai Presiden), antaranya:

- i. Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan (1951-1953);
- ii. Dato' Dr. Haji Abbas Alias (1953-1956);
- iii. Dato' Seri Dr. Burhanuddin al-Helmy (1956-1969);

- iv. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dato' Sri Paduka Raja Dato' Mohd Asri Haji Muda (1969-1982);
- v. Tuan Guru Haji Yusof Rawa (1982-1988);
- vi. Dato' Haji Fadzil Mohd Noor (1988-2002);
- vii. Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2002 hingga sekarang).

Era kepimpinan Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Hadi Awang) sejak tahun 2002 hingga kini (2023) memperlihatkan bahawa beliau merupakan Presiden PAS yang paling lama mengepalai pertubuhan politik tersebut iaitu selama 21 tahun. Dalam tempoh kepimpinan beliau yang panjang itu, kepemimpinan beliau pertama kali dan yang terakhir kali (setakat Ogos 2023) berkocak apabila kedudukan selesa sebagai Presiden PAS selama 13 tahun mula dicabar pada tahun 2015 dalam Muktamar Tahunan PAS ke-61, namun beliau terus kekal dipilih sebagai presiden hingga kini. Tragedi pasca-Muktamar Tahunan PAS ke-61 itu telah memperlihatkan kepada khalayak tentang wujudnya krisis keyakinan dan kepimpinan terhadap Hadi Awang sebagai presiden parti kerana beliau dikatakan mesra terhadap parti lawan mereka yakni United Malays National Organisation (UMNO). Dakwaan ini turut dihebahkan dan disentimenkan kepada seluruh ahli PAS pada pelbagai peringkat sehingga berlaku perpecahan ketika itu dengan pelbagai slogan menjatuhkan Hadi Awang seperti "PAS tongkat UMNO" dan "PAS terima dedak UMNO".

Sungguhpun begitu, sentimen ini gagal menjatuhkan Hadi Awang apatah lagi mematahkan sokongan akar umbi terhadap beliau sehingga mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden PAS setelah jawatan presiden tidak dipertandingkan semasa pemilihan parti pada Muktamar Tahunan PAS ke-63 apabila tiada pencalonan daripada mana-mana ahli untuk mencabar kedudukannya. Sejak itu, Hadi Awang terus mengepalai PAS sehingga sekarang dengan kredibiliti kuasa dan ideologi kepemimpinannya menempuh dua siri Pilihan Raya Umum (PRU) dengan menyaksikan kemenangan bergaya PAS sehingga membentuk kerajaan di Terengganu dan mengekalkan kerajaan di Kelantan (PRU ke-14) pada tahun 2018; malah membuktikan kuasa dan ideologi yang praktikkan Hadi Awang masih relevan dan berpengaruh hingga menguasai 43 kerusi parlimen dalam PRU ke-15 pada tahun 2022. Oleh sebab itu, makalah ini disediakan dengan menganalisis teks ucapan beliau bagi memperlihatkan kewujudan konsep peneguhan kuasa dan ideologi yang dibentuk melalui pemilihan kata ganti nama diri (KGND) "kita".

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini akan menganalisis penggunaan KGND "kita" yang digunakan dalam teks kajian iaitu Ucapan Dasar Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bertemakan "Sejahtera Bersama Islam" sempena dengan Muktamar Tahunan PAS ke-63 pada tahun 2017 seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti jumlah penggunaan KGND "kita" dalam teks "Sejahtera Bersama Islam".
- ii. Menganalisis penggunaan KGND "kita" dalam teks "Sejahtera Bersama Islam" mengikut tiga konteks pengucapan sebagai model pengukuhan kuasa dan ideologi bersandarkan model AWK oleh Norman Fairclough (2003).

Penggunaan KGND "kita" ini akan dikaitkan dengan sikap pengukuhan kuasa dan ideologi pengucapnya iaitu Presiden PAS, Hadi Awang.

## **KAEDAH KAJIAN**

Dalam menganalisis sesebuah wacana, pelbagai pendekatan dan teori dapat diterapkan mengikut tujuan dan kehendak pengkaji. Pengkaji perlu menentukan apa yang ingin dilihat dalam wacana tersebut. Analisis wacana dalam teks ucapan dapat menganalisis tujuan sesuatu bahasa digunakan melalui unsur-unsur linguistik yang terdapat di dalamnya seperti bentuk-bentuk kata, frasa, klausa dan deretan ayat.

Salah satu ranting analisis wacana ialah AWK. Melaluinya, makalah ini dihasilkan dengan cara membuat analisis kandungan terhadap teks yang dipilih menggunakan kaedah deskriptif kualitatif bagi memperlihat penggunaan KGND "kita" oleh Presiden PAS, Hadi Awang adalah amat signifikan dalam mengukuhkan kuasa dan ideologi beliau. Pendekatan analisis kandungan ini disesuaikan dengan model tiga dimensi AWK oleh Norman Fairclough (2003). Data yang dijadikan sampel analisis adalah daripada KGND "kita" yang mulanya dihitung jumlah kewujudannya dalam teks lalu dianalisis konteks penggunaannya dan hasilnya dikelompokkan KGND tersebut kepada tiga kategori yang bertali dengan konteks pengukuhan kuasa dan ideologi pembicaranya.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan membincangkan aspek tekstual dan proses sosial dengan fokus tekstual terhadap kohesi leksikal KGND "kita" dengan leksikal lain yang berkolokasi dengannya. Penggunaan KGND "kita" ini akan dikaitkan pula dengan proses sosial terhadap praktis kepimpinan Hadi Awang dalam mengukuhkan kuasa dan ideologi beliau.

### **Kata Ganti Nama Diri (KGND)**

Dalam bahasa Melayu terdapat jenis KGND orang yang dikelaskan kepada tiga yakni orang pertama, orang kedua dan orang ketiga. KGND "kita" ialah jenis kata ganti nama yang merujuk manusia dan tergolong sebagai KGND orang pertama jamak dengan mewakili penutur itu sendiri termasuklah orang yang diwakilinya. Pertuturan yang menggunakan KGND "kita" ini melibatkan penutur dan orang yang diwakilinya itu dalam konteks komunikasi mereka sendiri tanpa melibatkan pihak lain.

### **Kuasa dan Ideologi**

Fairclough melalui bukunya *Discourse and Social Change* (1992) mengaitkan kuasa dengan hegemoni iaitu kuasa dirujuk sebagai kemampuan seseorang atau kelompok yang berupaya mempengaruhi orang lain atau mengubah keadaan sosial, politik atau ekonomi manakala hegemoni pula merujuk kepada dominasi sesuatu kelompok/kumpulan ke atas kelompok/kumpulan yang lain dalam sesebuah masyarakat melalui penguasaan ideologi, nilai-nilai dan norma-norma dalam mayarakat tersebut. Oleh sebab itu, kuasa dan ideologi merupakan dua konsep yang saling berhubungan dalam sesebuah kelompok bagi mempengaruhi nilai dan kepercayaan kelompok yang lain lantas mendominasinya sehingga membentuk pemusatan kuasa yang kukuh dan ideologi yang utuh. Sanat Md Nasir (2016) menuntaskan secara literal bahawa kuasa ialah kemampuan atau kekuatan serta hak untuk melakukan atau menguruskan sesuatu manakala hegemoni merujuk pengaruh sesebuah negara ke atas negara lain. Namun, secara kontekstualnya dalam kajian ini, kuasa dilihat sebagai pengaruh dan daya yang mampu mendominasi sekumpulan kelompok tertentu untuk menonjol sebagai sebuah institusi yang mempunyai kekuatan terhadap sesebuah masyarakat. Kekuatan ini pula dilihat bukanlah dari segi fizikal namun dilihat dari segi keupayaan ideologi yang kuat bagi menguasai masyarakat (kelompok tertentu).

Ideologi merujuk fahaman dan pegangan yang diguna pakai serta dicipta untuk dijadikan dasar pemerintahan. Melalui bahasa seseorang, kita dapat mengaitkan hubungan penggunaannya dengan daya kuasa yang cuba dicipta dan ditonjolkan melalui persetujuan manusia terhadap

sesuatu perkara dan bukannya secara paksaan. Lalu kedudukan bahasa dalam masyarakat berkait dengan kekuasaan yang berideologi. Kebergantungan kedua-dua hal ini amat penting kerana kuasa yang ada akan memudahkan ideologi diperkuuh dan ideologi yang kukuh akan memudahkan penguasaan. Maka mekanisme terbaik mengukuhkan kuasa ialah keutuhan ideologi. Antara ideologi politik yang popular ialah sosialisme, liberalisme, komunisme dan nasionalisme termasuklah ideologi agama seperti Islam.

Berdasarkan dua indikator di atas, ideologi dapat mempengaruhi agenda politik yang mendasari perjuangan sesebuah kumpulan (parti) untuk terus mendukung teraju utama kepimpinan dengan memberi kepercayaan, ketaatan dan kesetiaan sebagai simbol kuasa selagi dasar perjuangan sejalan dengan nilai-nilai ideologi mereka. Dengan ini, makalah ini menjelaskan hubungan penggunaan KGND “kita” oleh Hadi Awang bagi tujuan pengukuhan kuasa dan ideologi beliau dalam menerajui PAS khususnya pascaperpecahan PAS pada tahun 2015 yang sangat getir dan mencabar terhadap kepemimpinan beliau selaku presiden parti ketika itu. Selaku politikus, hubungan antara kuasa politik dan ideologi memiliki dampak yang signifikan terhadap pembentukan pengaruh dan kelangsungan hayat politik Hadi Awang dengan menjadikan Islam sebagai ideologi politik seiiring dengan perlombagaan PAS dalam Fasal 3 yang menyatakan Islam sebagai dasar perjuangan.

### **Teks Kajian**

Teks ucapan yang dipilih untuk dianalisis ialah Ucapan Dasar Presiden PAS. Ucapan ini telah disampaikan dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-63 pada 29 April 2017 bersamaan 2 Syaaban 1438 dengan tema “Sejahtera Bersama Islam”. Signifikan pemilihan teks ini sebagai bahan kajian untuk dianalisis disebabkan ucapan ini disampaikan kira-kira setahun sebelum pilihan raya umum Malaysia ke-14 (9 Mei 2018). Ucapan ini dilihat sebagai pesanan dan amanat yang sangat penting sempena menghadapi pilihan raya tersebut bersama-sama saf kepimpinan baharu PAS pasca-Muktamar Tahunan PAS kali ke-61 (2015) di Kuala Selangor yang menyaksikan Hadi Awang buat pertama kalinya (sejak 13 tahun menjadi presiden) sejak tahun 2002 dicabar kedudukannya sebagai Presiden PAS oleh Ustaz Ahmad Awang dalam pemilihan parti tersebut sementelah pada muktamar yang sama, usul perwakilan supaya PAS memutuskan hubungan (kerjasama politik) dengan Democratic Action Party (DAP) diterima tanpa bahas. Hal ini mengakibatkan DAP bertindak keluar daripada gabungan kerjasama politik Pakatan Rakyat (PR) yang dianggotainya bersama dengan PAS dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).


Lantaran itu, krisis dalaman PAS telah memutikkan bibit-bibit perpecahan dengan kemunculan kem-kem politik tertentu dalam parti tersebut sehingga kerusi Presiden PAS dipertandingkan setelah hampir 13 tahun sejak mula-mula Hadi Awang mengemudi PAS pada tahun 2002, tidak pernah dicabar kedudukannya sebagai presiden parti. Semasa pemilihan parti itu diadakan ketika Muktamar Tahunan kali ke-61, Hadi Awang kekal menguasai PAS dengan barisan kepimpinan yang baharu sehingga kerusi Timbalan Presiden PAS yang disandang ketika itu oleh Haji Mohd Sabu berganti tangan kepada Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man. Akhirnya, setelah dua tahun peristiwa kedudukannya dicabar dan pascaperpecahan parti yang menyaksikan wujudnya parti serpihan PAS yang ditubuhkan atas nama Parti Amanah Negara (Amanah), Ucapan Dasar Presiden PAS (Muktamar Tahunan ke-63) dinanti-nantikan amanatnya, apatah lagi pada muktamar kali ini bakal menterjemahkan pengaruh Hadi Awang dalam menakhodai bahtera PAS menghadapi PRU ke-14 dan seterusnya.

### **Analisis Wacana Kritis (AWK)**

AWK merupakan satu pendekatan analisis wacana yang memperlihatkan keterkaitan antara budaya dan ideologi itu ditafsir, diperihal dan diperjelaskan melalui struktur wacananya. Wacana yang kritis dikaitkan juga dengan konsep wacana yang berhubungan dengan penggunaan bahasa dan kuasa yakni sikap mendominasi dan didominasi oleh ideologi. Sehubungan itu, Fairclough

(1995) seperti dalam Zaliza Zubir dan Rohizah Halim (2020) menjelaskan bahawa tujuan AWK adalah secara sistematis menerokai hubungan legar kesopanan dan menentukan antara; a) amalan diskursif, peristiwa dan teks; b) struktur sosial dan budaya yang lebih luas, hubungan dan proses penghasilan teks tersebut. Bertitik tolak daripada hal inilah, AWK dilihat sebagai pendekatan yang sesuai untuk dijadikan satu kaedah analisis sesebuah wacana (teks) bagi melihat keberdayaan bahasa (elemen KGND) menterjemahkan nilai kuasa dan ideologi.


Sementara itu, teori-teori analisis wacana mula muncul diperkatakan di Barat dan disiplin ini melebar luas hingga ke Timur dan diperkenalkan oleh ahli-ahli linguistik tempatan. Lanjutan daripada teori wacana sosial yang dipertegaskan oleh Fairclough (1992) dengan mengusulkan tiga prinsip sebagai amalan sosial, iaitu (1) wacana bersifat tersusun dan menyumbang kepada pembentukan dan refleksi struktur sosial, (2) amalan sosial membangunkan identiti sosial dan hubungan sosial antara individu dan kelas dalam masyarakat, (3) amalan sosial menyumbang kepada sistem pengetahuan dan kepercayaan kerana mengarah kepada fungsi bahasa seperti identiti, fungsi rasional dan ideasional. Lanjutan daripada hal inilah, Fairclough menggagaskannya model tiga dimensi dalam AWK berteraskan teks, amalan wacana dan amalan sosial. Kajian ini menggunakan kerangka teori analisis wacana kritis (AWK) Norman Fairclough (2003) yang mengaplikasikan model tiga dimensi; amalan wacana, textual dan proses sosial.



**Rajah 1.** Model Analisis Wacana Kritis, Norman Fairclough.

## DAPATAN KAJIAN

Terdapat sebanyak 59 bilangan leksikal KGND "kita" dalam teks yang dikaji. KGND "kita" ini setelah dianalisis dapat dibahagikan kepada tiga cabang kelompok yang menjadi rujukan berganti nama "kita". Rajah di bawah menunjukkan pembahagian makna yang didukung oleh KGND "kita":



**Rajah 2.** Tiga konteks makna yang didukung oleh KGND “kita”.

Leksikal “kita” yang mendukung makna-makna seperti dalam rajah 2 di atas didapati digunakan secara berkait antara satu sama lain dengan memainkan dan mengukuhkan peranan masing-masing untuk berfungsi sebagai pendukung ideologi yang dibawa PAS melalui kepimpinan Hadi Awang. Sebanyak tujuh dan sembilan leksis “kita” digunakan masing-masing untuk mewakili makna “rakyat Malaysia” dan “umat Islam” yang masing-masing berkolokasi dengan perkataan/frasa/konteks sosial “negara” dan Islam, manakala 43 leksis lagi mendukung makna sebagai ahli PAS yang berkolokasi dengan perkataan/frasa/konteks sosial parti (PAS). Diturunkan contoh-contoh penggunaan leksikal “kita” seperti dalam teks ucapan yang mendukung makna-makna tersendiri seperti dalam jadual yang berikut:

**Jadual 1** Penggunaan KGND “kita” sebagai rakyat Malaysia

Bil.	Petikan Teks	Penerangan
1.	<p><i>Lebih parah lagi, kadar jenayah berat yang membahayakan komuniti masyarakat semakin meningkat seperti merompak, membunuh, mencuri, menipu dan lain-lain. Masalah jenayah ringan seperti keruntuhan akhlak, merosakkan diri dan keluarga dianggap senarai yang dikemudiankan dan dipandang mudah. Oleh kerana <b>negara kita</b> juga berada dalam dunia, maka <b>kita</b> tidak terlepas daripada wabak ini.</i></p> <p style="text-align: right;">(para 5)</p>	Berdasarkan konteks ayat yang mengandungi leksis “kita” sebagai rakyat Malaysia, rujukan tersebut dibuat berasaskan inti pati ayat sebelumnya yang menerangkan tentang kebobrokan jenayah yang melanda dunia termasuklah Malaysia. Lalu, Hadi Awang telah menegaskan bahawa “kita” (rakyat Malaysia) tidak terlepas daripada berhadapan dengan permasalahan tersebut.
2.	<p><i>Muktamar kali ini berlangsung dalam suasana parti politik dalam <b>negara kita</b> sarat membicarakan Pilihan Raya Umum ke -14 yang perlu diadakan sebelum penggalnya berakhir pada bulan Jun 2018 nanti.</i></p> <p style="text-align: right;">(para 35)</p>	Secara umumnya, Hadi Awang membayangkan kepada khalayak akan senario rakyat Malaysia (kita) yang rancak membicarakan hal-hal Pilihan Raya Umum ke-14.
3.	<p><i>Hiruk pikuk politik pilihanraya di kalangan parti-parti politik dalam <b>negara kita</b> ini menyebabkan semuanya teruja, sehingga dilihat oleh rakyat begitu galak mengagihagihkan jawatan itu dan ini sekiranya menang dalam PRU-14 nanti.</i></p> <p style="text-align: right;">(para 36)</p>	Dukungan makna “kita” sebagai rakyat Malaysia dalam kedua-dua konteks ayat ini diperlihatkan dengan kolokasi kata lain yang wujud di samping (sebelum) leksis “kita” iaitu leksikal <b>negara</b> .

4.	<i>Apa yang kita kesalkan ialah, ada juga di kalangan parti politik yang berlumba-lumba untuk menjadi penentang agenda untuk meninggikan syiar Islam di kalangan rakyat beragama Islam dalam <u>negara kita ini</u>. (para 38)</i>	Berdasarkan konteks ayat dan kolokasi kata "negara" yang hadir sebelum leksikal KGND "kita" dalam para 38 ini, jelas menunjukkan perlakunya perihal penggantian kata gandi nama itu kepada rakyat Malaysia.
5.	<i>Kekurangan integriti, akhlak dan kejujuran, adalah antara masalah yang wujud berakar umbi dalam negara ini. Ianya menyebabkan indeks persepsi rasuah yang buruk, sehingga menimbulkan krisis keyakinan ekonomi kepada persekitaran pelaburan dalam <u>negara kita ini</u>. (para 75)</i>	Hadi Awang berucap mewakili diri beliau sendiri termasuk sebagai rakyat Malaysia yang lainnya dalam memerihalkan keintegritian pengurusan dalam negara ini sehingga memberi kesan terhadap pelaburan negara. KGND "kita" disifatkan merujuk rakyat Malaysia apabila leksikal "negara" disandarkan dengan kata ganti nama "kita" dalam frasa "...krisis keyakinan ekonomi kepada persekitaran pelaburan dalam negara kita ini."

**Jadual 2** Penggunaan KGND "kita" sebagai umat Islam

Bil.	Petikan Teks	Penerangan
1.	<i>Inilah pendekatan yang wajib dilakukan oleh <b>kita</b> yang menyambung <u>risalah Nabi Muhammad SAW</u> ini. Tugas <b>kita</b> bukan selesai setakat menukar pemimpin, tetapi perlulah menukar jati dirinya dengan <u>aqidah, syariat, akhlak</u> dan pendekatan dengan <u>prinsip dan konsep tersebut</u>. (para 32)</i>	(umat Islam) dirujuk sebagai pemain politik Islam yang berkepentingan menentukan hala tuju siasah di negara ini (Malaysia) melalui dasar Islam sebagai akidah politik (ideologi).
2.	<i>Inilah konsep dan falsafahnya bernegara yang menjadi idaman untuk <b>kita</b> capai di Malaysia, sebagai satu wawasan yang berterusan hingga ke hari <u>Kiamat</u>. (para 34)</i>	
3.	<i><b>Kita</b> mesti terus beristiqamah berpegang teguh dengan <u>Islam</u>, sehingga tidak berganjak daripada Islam menjadi dasar dan tujuan. <b>Kita</b> beramal dengan apa yang mampu dan berjuang dengan sabar bagi melaksanakan pelaksanaan Islam yang dihalang. (para 49)</i>	Dalam konteks menasihati khalayak, Hadi Awang menggunakan leksis "kita" sebagai umat Islam secara keseluruhannya mesti patuh pada tuntutan agama dan nasihat ini tidak khusus kepada ahli parti beliau semata-mata malah mewakili semua pengikut Islam. Hal ini dikatakan demikian apabila KGND "kita" dikaitkan dengan "orang" yang berpegang teguh kepada Islam yakni masyarakat/umat Islam malah dalam ayat seterusnya pula menunjukkan "kita" sebagai umat Islam yang perlu bersabar dalam melaksanakan Islam.
4.	<i><b>Kita</b> berada dalam dunia yang semakin maju tanpa sempadan dan terus bergolak dengan <u>berbagai konflik serta peristiwa yang berlaku</u>. Penjajahan waktu kini bukan sahaja dalam bentuk geografi, tetapi penjajahan ekonomi dan kuasa. (para 76)</i>	KGND "kita" dalam kedua-dua ayat ini (para 76 dan 77) merujuk umat Islam yang ditegaskan dengan permasalahan global tentang isu-isu penjajahan bentuk baharu dalam memerangi Islam sebagai kuasa pemerintah dengan doktrin pemisahan agama daripada politik. Hadi Awang berkata demikian mewakili

5.	<p><i>Pada masa yang sama <b>kita</b> melihat terdapat kecenderungan yang amat merbahaya apabila setengah pihak ini secara tersusun telah dan sedang meminggirkan kewujudan politik Islam</i></p> <p>(para 77)</p>	dirinya dan ahli PAS sebagai umat Islam secara khusus dalam berhadapan konflik politik Islam peringkat antarabangsa dan Malaysia.
6.	<p><i>Marilah sama-sama <b>kita</b> beristiqamah dengan Islam. Marilah sama-sama <b>kita</b> yakin dengan janji Allah S.W.T. kepada sesiapa yang berjuang di jalan Nya sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT...</i></p> <p>(para penutup)</p>	Ajakan Hadi Awang mengungkapkan “kita” untuk merujuk kepada dirinya dan khalayak (umat Islam) agar setia (istiqamah) dan meyakini janji Allah SWT kepada sesiapa sahaja yang berjuang di jalan (agama) Islam.

**Jadual 3** Penggunaan KGND “kita” sebagai ahli PAS

Bil.	Petikan Teks	Penerangan
1.	<p><i>Marilah juga pada hari ini, <b>kita</b> sama-sama mendoakan kebaikan berpanjangan, rahmat dan keampunan Allah, kepada <u>sahabat dan pimpinan seperjuangan</u> yang telah meninggalkan kita, murabbi kita al-marhum Tuan Guru Dato Dr Harun Din, mantan Mursyidul 'Am PAS yang meninggalkan <b>kita</b> untuk bertemu dengan Tuhan Rabbul Jalil. Semoga beliau dan sahabat-sahabat seperjuangan yang lainnya juga mendapat kebahagiaan di sana, dihimpunkan bersama para muttaqin, syuhada dan solihin.</i></p> <p>(para mukadimah)</p>	KGND “kita” dalam ayat ini berfungsi sebagai ahli PAS. Hadi Awang merujuk diri beliau dan seluruh khalayak sebagai ahli PAS untuk mendoakan kesejahteraan pimpinan PAS yang telah meninggal dunia.
2.	<p><i>Bagi <u>PAS</u>, <b>kita</b> ingin mengambil iktibar dari apa yang di sabdakan oleh Rasulullah SAW kepada Bani 'Amir ketika ditanya siapakah yang akan menjadi pemimpin dalam negara yang akan didirikan oleh Nabi SAW.</i></p> <p>(para 37)</p>	Penggunaan KGND “kita” dalam konteks ayat ini (para 37) adalah merujuk leksikal PAS yang bekolokasi dengannya yang ternyata mendukung makna ahli PAS.
3.	<p><i>Apa yang <b>kita</b> kesalkan ialah, ada juga di kalangan parti politik yang berlumba – lumba untuk menjadi penentang agenda untuk meninggikan syiar Islam di kalangan rakyat beragama Islam dalam negara kita ini.</i></p> <p>(para 38)</p>	Dalam para 38 yang masih berkohesi dengan ayat sebelumnya (para 37) menyifatkan KGND “kita” sebagai ahli PAS berdasarkan konteks ayat dan kolokasi frasa “... <b>ada juga di kalangan parti politik...</b> ”. Konteks ini menjelaskan bahawa ada parti politik lain (selain PAS) cuba menjadi penentang agenda peninggian syiar Islam di Malaysia.
4.	<p><i>Sebagai sebuah parti yang besar dalam negara ini dan mempunyai jentera yang menyeluruh di serata negara, <b>kita</b> amat menyedari dan memahami realiti halangan dan kelebihan yang ada di hadapan <b>kita</b>, malah <u>PAS</u> amat menyedari kepelbagai rakyat yang ada dalam negara bernama Malaysia ini.</i></p> <p>(para 40)</p>	Konteks ayat ini merujuk PAS sebagai sebuah parti yang besar dan memiliki jentera di seluruh negara malah penggunaan akronim “PAS” ternyata menonjolkan penggunaan KGND “kita” sememangnya merujuk ahli parti tersebut.

5.	<p><u>PAS</u> akan meneruskan pendekatan dengan mengamalkan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) yang diperkenalkan sebelum ini. Pendekatan ini bukan sahaja lebih berkesan terutama dalam masyarakat Malaysia yang bencikan budaya keras – kasar dan politiking melampau sehingga semua perkara dilihat dalam perspektif negatif dan penuh kebencian, sedangkan rakyat tidak berubah keadaan hidup mereka. Pendekatan ini juga menepati ciri muwajahah silmiyah yang <b>kita</b> amalkan, bahkan lebih menepati sirah perjuangan Islam. (para 45)</p>	<p>Leksikal PAS sebagai subjek dalam ayat pertama pada para 45 ini berkohesi dengan leksikal KGND "kita" dalam ayat kedua dalam para yang sama. Kontek ayat ini jelas menunjukkan bahawa "kita" mewakili ahli Pas hendaklah meneruskan pendekatan politik BPMS yang selari dengan konsep "muwajahah silmiyah".</p>
6.	<p>Apabila mesej <b>kita</b> bawa menerusi <u>PAS</u> adalah bertujuan untuk menyelamatkan manusia bersama Islam, maka konsep Dakwah Bil Hikmah yang mengutamakan damai atau disebut Muwajahah Silmiyyah hendaklah diutamakan. (para 46)</p>	<p>Kolokasi leksikal "kita" dengan "PAS" dalam ayat pada para 46 ini ternyata merujuk KGND "kita" sebagai ahli PAS.</p>
7.	<p>Sehubungan dengan itu juga, maka <u>PAS</u> bersama-sama rakan yang berada dalam Blok Ketiga melalui Gagasan Sejahtera ini akan terus dimantapkan dengan penyertaan kalangan rakyat awam, pimpinan masyarakat, mantan pegawai tinggi kerajaan, dan NGO sebagai asas untuk mendepani suasana politik yang semakin hangat ini. Agenda yang lebih sistematik dan kemas mestilah dirangkakan sebaik sahaja selesai Muktamar <b>kita</b> pada kali ini. (para 54)</p>	<p>Subjek PAS dalam konteks ayat ini mengaitkan peranan ahlinya yang perlu memperkemas agenda "memasyarakatkan" PAS dalam kalangan rakyat awam, pemimpin masyarakat, mantan pegawai tinggi kerajaan dan NGO. Oleh sebab itu, KGND "kita" digunakan untuk menunjukkan peranan dan tanggungjawab ahli PAS yang perlu dikemaskin bagi menghadapi suasana politik semasa (waktu itu) usai muktamar pada tahun tersebut.</p>
8.	<p>PAS akan terus komited memperjuangkan Malaysia yang bebas rasuah dan pentadbiran yang telus dengan cara yang membina sebagaimana yang <b>kita</b> tunjukkan selama ini. Selama puluhan tahun ini juga lah <u>PAS</u> telah menentang penyelewengan sumber dan dana negara dalam isu BMF, skandal matawang asing Bank Negara (forex), PKFZ, Skandal MAMINCO, Perwaja Steel, 1MDB dan lain lainnya, dengan cara <b>kita</b> sendiri. (para 74)</p>	<p>Dalam para 74 ini, terdapat dua ayat yang menggunakan KGND "kita" dan kedua-duanya merujuk kepada ahli PAS. Dalam ayat pertama dan kedua, KGND "kita" digantikan dengan subjek ayat iaitu PAS. Kedua-dua ayat ini menjelaskan tentang komitmen ahli PAS yang berjuang untuk kebebasan rasuah di Malaysia dan penentangan penyelewengan sumber dan dana negara dengan cara sendiri.</p>
9.	<p><u>PAS</u> akan terus memperjuangkan isu kemanusiaan yang bertali arus berlaku dalam dunia tanpa sempadan ini dan penindasan terhadap etnik minoriti di mana jua dalam dunia ini, tanpa mengira fahaman politik, agama, kaum, etnik, gender, dan persekitaran kita berada. Ianya juga memerlukan usaha dan tindakan pro-aktif yang drastik bagi memastikan penindasan ini tidak lagi berlaku di depan mata <b>kita</b>. (para 80)</p>	<p>Terdapat dua ayat dalam para 80 ini yang saling bertaut antara satu sama lain dengan menunjukkan penggunaan KGND "kita" dalam ayat kedua masih merujuk subjek PAS dalam ayat pertama. Rujukan ini menekankan bahawa ahli PAS atau "kita" perlu bersifat proaktif bagi menentang penindasan yang berlaku.</p>

Daripada contoh-contoh yang dikemukakan seperti di atas, ternyata berdasarkan konteks ayat yang dibentuk dengan proses sosial wacana (teks ucapan), KGND “kita” mendukung tiga makna berbeza yang dilafaztuturkan oleh Hadi Awang bagi tujuan pengukuhan kuasa dan ideologi beliau. Leksikal ini bukan semata-masa unsur KGND, malah lebih daripada itu apabila penuturnya cuba mengaitkan diri beliau dan khalayak dalam tiga dimensi watak yang berbeza dalam satu wacana yang sama dan situasi peristiwa bahasa yang juga sama. Hal ini jika diperhalusi, tiap-tiap para yang mempunyai makna terpilih ini mempunyai konteks pengucapan yang tersendiri bagi mengukuhkan “kita” sebagai rakyat, ummah dan ahli. Konteks yang dikaitkan dengan penggunaan KGND ini jika dipisah-pisahkan teks tersebut masih mampu berdiri sebagai sebuah wacana berasingan yang bersifat episodik.


Ucapan Hadi Awang meletakkan khalayak setara dengan dirinya ketika menggunakan KGND “kita” agar tidak tampak akan wujudnya strata, taraf dan kelas kepimpinan yang membezakan antara seorang presiden dan ahli biasa. Sebaliknya, dari segi proses sosial, hal ini dilihat sebagai peralihan daripada ucapan kepemimpinan yang bersifat dominan dan keakuan dengan penggunaan KGND tunggal seperti “saya” kepada bentuk pengucapan yang merakyat dengan khalayak. Teknik ini amat penting dan berkesan sebagai strategi pengucapan yang berniat untuk memelihara ukhuwah sesama ahli tanpa mengira pangkat dan latar belakang dalam menerajui perjuangan secara bersama. Berlatarbelakangkan sejarah 2015 yang menyaksikan perpecahan parti, Hadi Awang mengamalkan sikap yang membumi dalam penyampaian ucapannya untuk dirasai segenap lapisan ahli PAS, justeru sebagai rakyat Malaysia dan umat Islam.

Pengukuhan kuasa dan ideologi melalui sikap merendah diri ini mendorong penerimaan yang baik dan harmoni bagi sesiapa sahaja yang mengikuti ucapan beliau. Hal ini sesuai dengan proses sosial yang berkонтекسkan masyarakat bahasa Melayu dan masyarakat Malaysia yang merendah diri dan sentiasa mesra tanpa batas-batas kasta jawatan dalam kehidupan. Keselesaan ini ditimbulkan oleh Hadi Awang secara ketara melalui penggunaan KGND “kita” dalam ucapan yang dikaji. Peranan beliau sebagai presiden bukanlah semata-mata memberi amanat dan arahan untuk ahlinya berjuang dengan bekerja keras memenangkan parti, sebaliknya Hadi Awang lebih cenderung memberi pesanan secara inklusif terhadap dirinya dan khalayak yang berperanan sebagai rakyat Malaysia, umat Islam dan sebagai seorang ahli PAS dan bukannya sebagai seorang presiden PAS. Bentuk kecenderungan ini mampu membina satu set pengaruh melalui persetujuan khalayak tanpa paksaan dan kekuatan fizikal.

Secara logiknya, bagi seseorang presiden parti yang berhadapan dengan konflik hala tuju parti dan krisis kepimpinan terhadap beliau, jika masih menggunakan ragam bahasa (unsur linguistik) yang eksklusif sudah pasti kepemimpinan beliau akan makin terhakis. Hal ini kerana, jika seseorang pemimpin berucap dengan nada dan bahasa yang bersifat keakuan, segala saranan, pesanan, dan dorongannya terhadap ideologi yang dibawa akan ditanggap sebagai arahan, paksaan serta suruhan. Di sinilah akan wujudnya pengaruh kuasa yang berpaksikan paksaan lantas penyokongnya gagal menerima dan mendukung ideologi yang digagaskan.

Dalam soal ini, Hadi Awang terkehadapan dalam merancang dan menakhodai strateginya untuk mengukuhkan kuasa dan ideologi beliau. Kuasa beliau sebagai presiden yang berkemampuan untuk melakukan, menentukan, mengarahkan sesuatu tidaklah dibentuk dengan kekuasaan secara paksaan sebaliknya melalui penerangan ideologi yakni kefahaman terhadap fahaman dan pegangan Islam sebagai landasan serta dasar perjuangan PAS yang berpelembagaankan Quran dan sunnah. Hadi Awang secara inklusifnya, menetapkan tema “Sejahtera Bersama Islam” sebagai pelan pengukuhan ideologi beliau yang mahukan seluruh keahlian PAS mengamalkan budaya politik yang harmoni seperti yang disebut sebagai Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS). Berdasarkan tema ini, inti pati ideologi disampaikan dengan penggunaan unsur linguistik yang tepat yakni melalui KGND “kita” yang menggambarkan sifat kebersamaan presiden dan akar umbi parti. Inti pati ideologi ini pula disampaikan dengan penghujahan yang solid apabila senantiasa disokong dalil serta nas daripada al-Quran Karim.

Maka, di sinilah pemerhatian khalayak tertumpu kepada sikap Hadi Awang itu seperti rakan seperjuangan yang sama-sama mahukan perubahan dan kematangan dalam berpolitik serta kesepadan menghadapi pilihan raya umum. Lanjutan itu, sentimen kebersamaan tanpa batas jawatan dan pangkat dalam organisasi serta kemahuan berjuang melalui landasan agama Islam mencapai satu persetujuan yang terdoktrin di minda, hati dan semangat perjuangan mereka. Hal ini menunjukkan Hadi Awang telah berjaya mempengaruhi khalayaknya dengan kuasa persetujuan bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai presiden apatah lagi memaparkan ideologi sedia ada dan diberi penambahbaikan serta nafas baharu selepas krisis kepemimpinan terhadap beliau yang bermula pada 2015 apabila beliau ketika itu dicabar oleh Ustaz Ahmad Awang (kini penasihat parti Amanah) dalam pemilihan kerusi presiden PAS. Walau bagaimanapun, Hadi Awang kekal mempertahankan kedudukan beliau sebagai presiden hingga kini. Dalam tempoh itulah, beliau beusaha dan berupaya mengukuhkan kembali kuasa dan ideologi beliau sehingga diterjemahkan melalui keputusan pilihan raya umum ke-14 yang lalu sebagai stabil dan terus relevan. Tuntasnya dapatlah diperjelaskan hubungan KGND dengan pengukuhan kuasa dan ideologi Hadi Awang seperti pada rajah 3 yang berikut:



**Rajah 3.** Model pengukuhan kuasa dan ideologi Hadi Awang melalui KGND “kita”.

## KESIMPULAN

Bertitik tolak daripada dapatan kajian, ternyata KGND “kita” memainkan fungsi perwakilan watak dalam tiga dimensi utama sebagai rakyat Malaysia, umat Islam dan ahli PAS telah berjaya mengukuhkan kuasa dan ideologi Hadi Awang melalui ucapan dasarnya pada muktamar kali ke63. Melalui pendekatan AWK Norman Fairclough (2003) ini, kita dapat melihat proses sosial yang berlaku dalam penciptaan wacana dengan pemilihan unsur linguistik “kita” sebagai data terbaik untuk menghujahkan tentang wacana ini sebagai sebuah wacana kepimpinan apabila berjaya mempengaruhi khalayaknya dengan kuasa persetujuan bagi mendapat sokongan untuk terus kukuh pada kedudukan yang berkuasa di samping mendukung ideologi pengucap sebagai seorang yang memiliki wibawa dan pengaruh melalui gagasan pemikiran. Hasilnya, kita dapat menilai sejauh mana aspek tekstual dan proses sosial membentuk wacana yang berwibawa. Makalah ini memperlihat kepada umum tentang penggunaan kata ganti nama diri “kita” yang digunakan dalam teks ucapan Hadi Awang pada Muktamar Tahunan PAS tahun 2017 tersebut sebagai mesej pengukuhan kuasa dan ideologi Hadi Awang yang sangat signifikan. Disimpulkan juga di sini bahawa kajian yang dijalankan ini hanya menganalisis satu teks ucapan sahaja bagi melihat pengaruh “kita” sebagai model pengukuhan kuasa dan ideologi Hadi Awang bagi tempoh lima tahun mutakhir iaitu pada tahun 2017. Hadi Awang memilih leksikal “kita” bagi mewakili dirinya berserta khalayak sebagai satuan kepada watak rakyat Malaysia, umat islam dan ahli PAS, berjaya mempengaruhi kelompok pengikutnya untuk terus berasa akrab dan taat kepada beliau selama berada di kerusi presiden parti berbadung memilih leksikal “saya” yang lebih bersifat keakuan atau terasing daripada pengikutnya. Sesuatu yang lebih baik dalam mencapai

kesepakatan wacana ini sebagai wacana pengukuhan kuasa Hadi Awang, terdapat ruang untuk kajian ini dipanjangkan dengan menganalisis kandungan teks ucapan beliau secara tematik selepas tahun 2017 terutamanya pada tahun-tahun yang melibatkan pemilihan parti (PAS) iaitu pada 2019 (Muktamar Tahunan PAS ke-65), 2021 (Muktamar Tahunan PAS ke-67).

## RUJUKAN

- Brown, Gillian dan Yule, George. (1996). *Discourse analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dijk, T. A. Van. (1985). *Handbook of discourse analysis*. London: Academis Press.
- Fairclough, N. (1992). Discourse and social change. Cambridge, UK: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). Critical discourse analysis: The critical study of language. Dalam Zaliza Zubir & Rohizah Halim. (2020). *Analisis Wacana Kritis: Satu Pengenalan Umum*. Journal of Communication in Scientific Inquiry, vol. 2, No. 1, 57-64.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. London: Psychology Press.
- Mohd Nasaruddin Parzi. Hadi Awang kekal Presiden PAS. Dalam Berita Harian, 4 Jun 2015. Diakses pada 15 Mei 2023 dari: <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2015/06/59214/hadi-awang-kekalkan-presidenpas>.
- Muhammad Azizul Osman. Pemilihan PAS: Hadi, Tuan Ibrahim menang tanpa bertanding. Dalam Malaysia Gazette, 11 April 2017. Diakses pada 15 Mei 2023 dari: <https://malaysiagazette.com/2017/04/11/pemilihan-pas-hadi-tuan-ibrahim-menangtanpa-bertanding/>.
- Nik Sukry Ramli. Abdul Hadi, Tuan Ibrahim kekal Presiden, Timbalan Presiden PAS. Dalam Berita Harian, 9 Jun 2019. Diakses pada 15 Mei 2023 dari: <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/06/572437/abdul-hadi-tuan-ibrahimkekalkan-presiden-timbalan-presiden-pas>.
- Sanat Md Nasir. (2016). Kuasa dan ideologi dalam teks hubungan Malaysia China. Dalam Idris Aman & Kamila Ghazali (Eds.), *Praktis analisis wacana* (hal. 29-70). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tarigan, Henry Guntur. (1987). *Pengajaran wacana*. Bandung: Angkasa.
- Zatul Iffah Zolkiply. Abdul Hadi kekal Presiden PAS, Tuan Ibrahim Timbalan Presiden. Dalam Berita Harian, 4 November 2021. Diakses pada 15 Mei 2023 dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/883654/abdul-hadi-kekalkan-presidenpas-tuan-ibrahim-timbalan-presiden>.
- . (2017). *Sejahtera bersama Islam: Ucapan dasar presiden parti Islam semalaysia (PAS)*. Diakses pada 30 Mei 2023 dari: <http://kerabubersuara.blogspot.com/2017/05/sejahtera-bersama-islam-ucapandasar.html>.
- . *Perlembagaan PAS*. Diakses pada 13 Jun 2023 dari: <https://pas.org.my/perlembagaan-pas/>.